

**NO. SOALAN: 157**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU  
[ TUARAN ]**

**RUJUKAN : 7656**

**SOALAN:**

**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang peningkatan bilangan pendatang asing di daerah pedalaman Sabah dan adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan pos kawalan keselamatan di Sepulut untuk mengawal kemasukan pendatang asing dari Tawau ke pedalaman Sabah

**JAWAPAN:**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan memang sedar akan adanya pendatang asing yang datang ke daerah pedalaman di negeri Sabah yang dipercayai masuk melalui Tawau dengan menggunakan rangkaian jalanraya yang dibina menghubungkan Kalabakan di Tawau dengan Sepulut di daerah kecil Nabawan dan kawasan sekitarnya. Bilangannya tidak dapat dipastikan tetapi berdasarkan kepada operasi yang dibuat di daerah-daerah pedalaman tidaklah menggambarkan sebagai meningkat seperti yang didakwa.**

Bagi maksud mengawal kemasukan pendatang asing seperti yang ditanyakan, Kerajaan bercadang untuk membina pos kawalan keselamatan di Sepulut kerana adalah diyakini bahawa keadaan keselamatan di kawasan berkenaan masih terkawal dari dibolosi oleh pendatang asing. Di daerah pedalaman berkenaan telah ada Pejabat Imigresen iaitu di daerah Keningau dan juga di Tenom yang bertanggungjawab untuk mengawal dan memantau pendatang asing tanpa izin. Manakala di daerah Kecil Pagalungan terdapat Pos Kawalan Imigresen yang ditugaskan untuk memantau dan menguruskan kemasukan penduduk dari negara jiran. Pemantauan juga dibuat oleh pihak PDRM sepanjang masa di kawasan berkenaan dengan mengadakan rondaan berkala di sepanjang jalan yang menghubungkan antara Tawau dengan Sepulut.

**Sepanjang tahun 2014, sejumlah 82 operasi telah dijalankan di daerah pedalaman oleh Jabatan Imigresen yang mana telah berjaya menahan**

**seramai 549 orang yang disyaki PATI untuk siasatan lanjut. Dengan kawalan ketat yang dilaksanakan di perairan negara yang bersempadan dengan Indonesia dan Filipina dan juga operasi yang diadakan setiap hari oleh ESSCOM di daerah-daerah Pantai Timur Sabah, adalah diyakini bahawa kemasukan pendatang asing ke Sabah secara amnya dan ke daerah pedalaman khasnya akan berkurang dari semasa ke semasa.**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status perlaksanaan penurunan kuasa RM5 juta daripada Putrajaya kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi memastikan masalah sekolah-sekolah daif di Sabah dapat ditangani dengan lebih efektif, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan perwakilan kuasa kepada Pengarah Pendidikan Negeri Sabah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan perolehan perkhidmatan yang bernilai sehingga RM5 Juta mulai tahun 2014.

Oleh itu, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah boleh melaksana dan menguruskan perolehan berdasarkan kepada peraturan-peraturan perolehan dan kewangan kerajaan yang telah ditetapkan, tanpa perlu lagi merujuk kepada Kementerian. Ini diharapkan dapat mempercepatkan pelaksanaan kerja-kerja di peringkat Negeri Sabah.

Mulai tahun 2014 juga, kontrak-kontrak Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan, Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Bekalan Makanan Bermasak/Mentah (BMM/BMB) telah diuruskan sendiri oleh JPN Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU**

**SOALAN : 159**

**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mempertingkatkan lagi bilangan perkapalan antarabangsa untuk berlabuh di Pelabuhan Sepanggar, Kota Kinabalu.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pelabuhan-pelabuhan di negeri Sabah adalah dikawal selia oleh Kerajaan Negeri tersebut.

Pelabuhan-pelabuhan di negeri ini termasuk Pelabuhan Sepanggar adalah dikawal selia oleh Lembaga Pelabuhan Sabah yang merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah. Oleh itu, perancangan pembangunan Pelabuhan Sepanggar adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah.

Kementerian Pengangkutan dimaklumkan bahawa satu kajian bagi membangunkan strategi dan pelan perancangan bagi menjadikan Pelabuhan Sepanggar sebagai hub *transshipment* sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah dan kajian tersebut dijangka siap pada April 2015. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan akan turut meneliti hasil kajian yang disiapkan kelak dan bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah dalam usaha membangunkan Pelabuhan Sepanggar.

**RT17/160**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan semula Diploma Pendidikan Lanjutan (DPLI) pelbagai opsyen termasuk opsyen Bahasa Kadazandusun di IPTA dan IPG.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Diploma Lepasan Ijazah (DPLI) Bahasa Iban dan Kadazandusun ditawarkan bergantung kepada unjuran dan keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pada masa ini, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hanya menawarkan kursus minor Bahasa Iban dan Kadazandusun bagi pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dan ditawarkan pada setiap semester. Sementara di peringkat IPG, penawaran pengkhususan Bahasa Kadazandusun hanya di dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP).